

# **BAB V**

## **BAB V: PENUTUP**

### **5.1 KESIMPULAN**

Ayat-ayat kemasyarakatan dalam Surah al-Nisā' menjadi pilihan sebagai ayat sasaran penyelidikan ini. Allah amat prihatin terhadap kepentingan hidup bermasyarakat. Kekuatan sesebuah negara adalah berpunca daripada kekuatan sesebuah masyarakat. Dunia di alaf baru sedang menghadapi cabaran demi cabaran yang cukup hebat untuk melayari bahtera kehidupan. Justeru itu asas pertama dalam pembentukan masyarakat ialah keluarga. Untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan cemerlang, semua ahli masyarakat adalah terlibat dalam memegang peranan dan tanggungjawab masing-masing. Kesimpulan daripada penulisan ini adalah sebagaimana berikut :

Keluarga yang diketuai oleh suami atau bapa adalah berperanan melatih diri dan anggota keluarga supaya cekap dan mahir dalam kepimpinan melalui qudwah hasanah dan contoh teladan dalam pengurusan keluarga yang terancang, bijaksana dan berdisiplin, seterusnya anak-anak akan keluar menemui masyarakat dengan membawa personaliti cemerlang dan watak pemimpin yang bersedia menghadapi dan melayan keranah pelbagai peringkat masyarakat, samada dari kalangan rakan sebaya, orang bawahan, orang atasan atau sebagainya. Prinsip

yang perlu dipegang ialah “ ’Amar ma’rūf nahi munkar ”<sup>1</sup> (menganjurkan kebaikan dan mencegah kemungkar ) adalah amat dikehendaki Islam.

Kezaliman dan penganiayaan adalah ditentang hebat oleh Allah dalam al-Quran, contohnya di sini melalui pemerhatian ayat al-Quran dalam Surah al-Nisā’ mengenai betapa Allah begitu menjaga kepentingan hak-hak dan kewajipan dalam pengurusan harta dan menjelaskan nilainya , contohnya setiap penjaga sebagai ketua institusi keluarga diamanahkan supaya menguruskan harta anak-anak yatim dengan betul, tidak menyalahgunakan harta kepunyaan mereka tersebut. Suasana ini sebagai mengingatkan keluarga untuk menangani dan menguruskan ekonomi dengan cekap dan betul tanpa ada penyelewengan, pecah amanah dan rasuah. Persoalan ekonomi adalah amat penting di masa kini. Justeru itu keseimbangan antara infaq dan penghasilan juga perlu diambil kira<sup>2</sup>.

Melalui kajian penulis dalam Surah al-Nisā’, kejadian asal manusia adalah dari keturunan yang satu, yang menunjukkan bahawa adalah tidak wajar sesama manusia berpecah belah, malah melalui surah tersebut merupakan perintah supaya mengeratkan hubungan silatulrahim dan bersatu padu antara umat manusia khususnya umat Islam yang bermula daripada suami isteri, ibu bapa, anak-anak, datuk, nenek, ipar duai, sanak saudara, sahabat handai, jiran tetangga dan

<sup>1</sup> ‘Umar ‘Awadah al-Khatib (1986), *al-Mas’alah al-Ijtima’iyyah Bayna al-Islām wa al-Nuzum al-Basyariyyah*, c. 5. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 196 .

<sup>2</sup> Hasan al-Bannā (t.t.), *Majmū’ah Rasā'il al-Imām al-Syāhīd Hasan al-Bannā*. T.T.P. : Dār al-Syāhīb, h. 233-234 .

sebagainya dari kalangan keluarga dan masyarakat. Mereka perlu menyumbangkan kewangan, pemikiran dan tenaga kepada yang memerlukan .

Malah secara tidak langsung, melalui ayat-ayat kemasyarakatan dalam Surah al-Nisā', amat terasa sekali yang Allah telah merealisasikan beberapa langkah ke arah pembinaan keluarga Islam yang sebenar, samada secara umum atau secara khusus. Contohnya ialah penekanan Surah al-Nisā' terhadap kewajipan suami terhadap isteri, kewajipan isteri terhadap suami, teknik untuk menyelesaikan masalah rumah tangga dan sebagainya. Pembinaan keluarga secara bijaksana adalah amat penting untuk membentuk anak-anak dan seterusnya masyarakat supaya mempunyai minda yang berwibawa tinggi yang diiktiraf oleh Allah dan Rasulnya. Seterusnya dihargai dan dihormati oleh dunia alam jagat.

Institusi keluarga perlu berperanan secara tegas mengatasi persoalan kaum wanita dengan merealisasikan peningkatan peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat serta pemeliharaan kehormatan mereka . Melalui seorang isteri dan anak perempuan yang berada di tengah-tengah kemelut masyarakat, cabaran terpaksa dihadapi dalam memerangi tabarruj dan pendedahan aurat. Dalam memartabatkan keluarga Islam, pembentukan wanita salihah adalah penting kerana mereka akan berhadapan dengan masyarakat dalam pelbagai watak dan

profesional mereka masing-masing seperti pendidik, doktor, jurutera, arkitek, akauntan dan sebagainya<sup>3</sup>.

Memberikan sokongan moral kepada pemuda supaya berkahwin dan mendapatkan zuriat. Sememangnya syariat Islam menganjurkan umat manusia untuk membina keluarga dan prihatin terhadap pelbagai persoalan hidup bermasyarakat.

Islam amat menekankan adab-adab dan tata susila supaya terus dijadikan amalan dan budaya Islam yang boleh diterima pakai oleh setiap lapisan masyarakat yang meliputi pelbagai bangsa. Allah telah menggambarkan dalam surah al-Nisā' betapa murkanya Allah kepada hamba-hambanya yang masih mengamalkan sifat-sifat mazmumah. Malah Allah lebih suka kepada hamba-hambanya yang mengamalkan sifat-sifat mahmudah seperti amanah, adil semasa bertindak, bersedia untuk menghormati serta menghargai orang lain dan sebagainya.

Apa yang teramat penting, Surah al-Nisā' telah mengetengahkan supaya beribadat kepada Allah semata-mata, mentauhidkannya tanpa menyekutukannya dengan yang lain. Apabila akidah seseorang itu kuat dan mantap dalam mengeksplorasikan rukun iman yang enam dalam kehidupan, seseorang itu tidak mungkin lagi mengingkari perintah Allah. Antara perintah Allah yang paling

---

<sup>3</sup> Hasan al-Bannā (t.t.), *op. cit.*, h. 75.

utama dari yang lain ialah mentaati ibu bapa dan menghormati mereka berdua dengan penuh kasih sayang. Mereka berdualah tunjang pembinaan keluarga. Reda ibu bapa bererti majulah dan kukuhlah keluarga .

Ketenangan jiwa dan naluri seksual yang menyatukan pasangan suami isteri sehingga antara mereka berdua bagaikan air dan udara<sup>4</sup>. Kasih sayang yang ada pada pasangan suami isteri itu merebak dan meluas hingga meliputi keluarga masaing-masing. Ekoran dari itu rasa kecintaan dan saling bantu membantu menjalar dan menular pula ke seluruh kaum kerabat yang terdekat hingga ke kaum kerabat yang jauh<sup>5</sup>.

Kelahiran anak-anak lebih menyempurnakan dan makin menyemarakkan kasih sayang bagi setiap pasangan suami isteri, yang kemudian akan merebak pula kepada keturunan seterusnya wujudlah saling cinta menyintai di antara satu sama lain<sup>6</sup>.

Suami isteri merangkap sebagai ibu bapa mempunyai tugas yang besar dalam mendidik anak-anak, iaitu sejak peringkat mereka belum lahir lagi iaitu melalui pemilihan jodoh yang baik, kemudian peringkat bayi, kanak-kanak, remaja dan seterusnya peringkat dewasa. Mendorong mereka supaya menuntut ilmu demi kepentingan dunia dan akhirat. Memberikan pendidikan yang seimbang

<sup>4</sup>Yusoff al-Qarađawi ( 1999), *Kaifa Nata 'āmalu Ma'a al-Qurān al-'Azīz*, Kaherah : Dār al-Syurūq, h. 96.

<sup>5</sup>Ibid, h. 107 .

<sup>6</sup>Ibid, h. 98 .

samada dari susut jasmani, rohani dan minda adalah merupakan mukadimah, isi kandungan dan penutup bagi tirai kehidupan. Akhirnya melalui kesimpulan bagi penulisan disertasi ini, penulis telah memantapkan ayat-ayat kemasyarakatan dalam Surah al-Nisā' dan tumpuannya kepada pembinaan keluarga Islam dengan menyentuh beberapa aspek kehidupan yang dianggap penting dan tidak boleh diabaikan demi masa depan umat Islam.

## 5.2 SARANAN

Sebagai usaha menangani pelbagai cabaran bagi mewujudkan keluarga bahagia dan masyarakat yang harmoni, maka beberapa saranan yang penulis akan utarakan nanti adalah untuk :

- a. Para pembaca.
- b. Semua peringkat golongan masyarakat.
- c. Suami isteri yang merangkap juga sebagai ibu bapa.
- d. Anak-anak.
- e. Para pendidik.
- f. Pihak kerajaan.
- g. Media massa.
- h. Para cendikiawan dan sebagainya.

Mereka tersebut memainkan peranan penting dalam membentuk dan mendidik masyarakat dan ahli keluarga. Mereka tidak boleh berpeluk tubuh, dengan berpendirian dan hanya bersemangat “keakuan” tetapi hendaklah

berpendirian dan bersemangat “kekitaan” sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

عن النعمان بن بشير يقول ، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم . ترى المؤمنين  
في تراحمهم وتوادهم وتعاطفهم كمثل الجسد إذا اشتكي عضواً تداعى له  
سائر جسده بالسهر والحمى <sup>7</sup>

**Maksudnya :**

“Diriwayatkan daripada Nu'mān bin Bāshīr r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Perumpamaan orang-orang mukmin dalam hal berkasih sayang dan saling cinta menyintai adalah seperti sebatang tubuh. Apabila salah satu anggotanya mengadu kesakitan, maka seluruh anggota tubuh yang lain turut merasa sakit”.

Justeru itu, mereka tersebut perlu bekerjasama dalam melaksanakan beberapa saranan berikut :

### **5.2.1 KEPATUHAN KEPADA AGAMA ASAS KECEMERLANGAN KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA**

Dengan menghayati ajaran agama, seorang individu akan dapat memelihara diri dari pelbagai gejala negatif, akan terbentuklah seorang ayah yang salih, ibu yang salihah, anak-anak yang salih, seterusnya apabila mereka berada di luar sempadan rumah, mereka juga adalah rakyat yang bermoral dan beretika yang mengharumkan nama negara di mata dunia<sup>8</sup>, hasil dari ketaqwaan yang menyerlah kepada Allah s.w.t. yang di bajai melalui pelaksanaan lima rukun Islam dengan sempurna dan menghiasi pula bunga-bunga ilmu. Muhasabah diri

<sup>7</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī (t.t.), *Fatḥ al-Bārī bi-Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, Kitāb al-Adab, no. hadis : 6011, j. 10, h. 438.

<sup>8</sup> Hasan al-Bannā (t.t.), *op. cit.*, h. 272.

juga adalah sebahagian dari amalan menuju kecemerlangan . Ia diterapkan dalam budaya hidup manusia melalui proses penilaian, mengambil iktibar daripada peristiwa silam, samalah juga dengan kata lain sekali gagal bukan bererti gagal buat selama-lamanya, kegagalan membawa seribu pengertian dan pengajaran .

Allah s.w.t. berfirman :

يَتَأْمُلُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَتَقْوَا اللَّهَ وَلَتُنَظَّرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِعَدْلٍ وَأَتَقْوَا اللَّهَ  
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Surah al-Hasyr (59):18.

**Maksudnya :**

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan (muhasabah) apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan”.

Terjemahan Surah al-Hasyr (59):18.

Kecurangan suami isteri berlaku di mana-mana saja, disebabkan pengaruh pergaulan dan godaan, tuntutan kehidupan moden yang membawa suami isteri terpaksa bekerja lebih masa yang melibatkan pergaulan isteri atau suami dengan orang lain di rumah atau di tempat kerja, untuk tidak tersesat lebih jauh lagi, setiap individu perlu kekuatan dalaman yang boleh mengawal diri dari

melakukan perkara keji . Kepercayaan dan keimanan kepada Allah adalah dasar dan garisnya . Kebebasan tanpa had tiada dalam Islam . Banyak kes kecurangan terjadi ketika rumah tangga diuji, ketika kemelut perkahwinan melanda, lebih baik pihak isteri mencurahkan luahan hati kepada sesama perempuan atau pakar yang boleh membantu secara profesional . Adalah lebih mudah mengelak kecurangan terjadi daripada cuba menghentikannya selepas ia berlaku .

Seterusnya wargatua juga adalah amat perlu dihormati, mereka mungkin terdiri dari ibu bapa, datuk, nenek dan sebagainya . Tidaklah wajar mereka diketepikan dan diletakkan di rumah orang-orang tua, sedangkan mereka masih ada anak-anak, kecuali bagi wargatua yang tidak mempunyai anak-anak atau saudara mara . Justeru itulah penghayatan agama dan kekuatan iman perlu ada pada setiap ahli keluarga, kesedaran tanggungjawab terhadap ibu bapa terutama semasa mereka tua perlu dipupuk di kalangan ahli keluarga .

#### **(a) Penerapan Nilai-nilai Murni**

Nilai-nilai murni memang sudah tentunya datang dari Islam, ia perlu diterapkan dalam kehidupan berkeluarga supaya menjadi budaya hidup yang boleh membantu untuk membentuk keluarga sentiasa ceria dan bahagia .

Antaranya :

Pertama :Ucapkan salam setiap kali keluar dan masuk rumah .Firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَالِ حَرَّجٌ وَلَا عَلَى الْأَغْرِاجِ حَرَّجٌ وَلَا  
عَلَى الْمُتَرِبِّصِ حَرَّجٌ وَلَا عَلَى أَدْفَسِكُمْ أَن تَأْكُلُوا مِنْ بَيْوَتِكُمْ أَوْ  
بَيْوَتِ ءَابَائِكُمْ أَوْ بَيْوَتِ أَمَهَاتِكُمْ أَوْ بَيْوَتِ إِخْرَوَنِكُمْ أَوْ  
بَيْوَتِ أَخْرَوَتِكُمْ أَوْ بَيْوَتِ أَعْنَمِكُمْ أَوْ بَيْوَتِ عَنَتِكُمْ أَوْ  
بَيْوَتِ أَخْوَلِكُمْ أَوْ بَيْوَتِ خَالِتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكْتُمْ مُفَاتِحُهُ  
أَوْ صَدِيقِكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَأْكُلُوا جَمِيعًا أَوْ أَشْتَأْنًا

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بَيْوَنًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبَرَّكَةً  
طَيِّبَةً كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

Surah al-Nur (24): 61.

#### Maksudnya :

"Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada sesama kamu sebagai penghormatan yang berkat lagi baik di sisi Allah, demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan hukum-hukumNya), supaya kamu memahaminya".

Terjemahan Surah al-Nur (24): 61.

Kedua : Luangkan masa untuk makan bersama-sama dengan ahli keluarga, termasuk suami, isteri dan anak-anak.

Ketiga : Amalkan solat berjemaah terutama pada waktu Subuh, Maghrib dan Isyak.

Keempat : Sentiasa bersedia menerima tetamu.

Kelima : Sentiasa membaca al-Quran di rumah, kelebihan membaca dan mempelajari al-Quran telah dirakamkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam Hadisnya :

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِنَّ أَفْضَلَكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ<sup>9</sup>.

**Maksudnya :**

“Diriwayatkan oleh ‘Uthman bin ‘Affan r.a., katanya, Nabi s.a.w. bersabda : Semulia-mulia di kalangan kamu ialah yang mempelajari al-Quran dan juga yang mengajarnya”.

Keenam : Memastikan semua ahli keluarga menunaikan solat tepat pada waktunya.

#### b) Jadikan Doa Sebagai Amalan Harian

Firman Allah s.w.t. :

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُوكُمْ أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي  
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَافِرِينَ

Surah Ghâfir(40): 60

<sup>9</sup>Ibn Hajar al-‘Asqalānī (t.t.), *op. cit.*, Kitab Fadā’il al-Quran, no. hadis : 5028, J. 9, h. 74 .

### **Maksudnya :**

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina.”

Terjemahan Surah Ghafir(40): 60.

Sentiasa mempraktikkan bacaan doa samada ketika bangkit dari tidur,ketika hendak tidur, masuk tandas, keluar tandas, ketika makan, selesai makan dan sebagainya . Setiap ibu perlu mendoakan yang terbaik untuk setiap anaknya, begitulah juga, seorang bapa kepada anak-anak, seorang suami kepada isteri, seorang isteri kepada suami dan seterusnya seorang anak kepada ibu bapanya.

### **c) Memastikan Pemakanan Yang Halal Dan Berkhasiat**

Makanan adalah memainkan peranan yang penting dalam pembesaran badan dan Kecergasan minda seseorang. Setiap ahli keluarga perlu memastikan makanan yang diambil adalah halal dan berkhasiat, agar badan dalam keadaan sihat dan akal sentiasa cergas dan ceria.

#### **5.2.2 MELENTUR BULUH BIARLAH WAKTU REBUNGNYA**

Perumpamaan ini menepati sabda Rasulullah s.a.w.:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، كل مولود يولد على

### Maksudnya :

“Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. Kedua orang tuanyalah yang membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”.

Setiap ibu bapa hendaklah mendidik dan membentuk peribadi mulia anak-anak sewaktu mereka masih kecil dan dalam kandungan lagi malah sewaktu memilih jodoh iaitu memilih bakal suami dan bakal isteri adalah yang baik dan mulia akhlak. Anak-anak sejak dari kecil lagi sudah peka mendengar dan boleh memahami walau pun tidak mampu untuk bercakap lagi, ini jelas apa yang berlaku kepada seorang kanak-kanak Iran yang sudah dapat menghafaz al-Quran 30 juzuk menjelang usia lima tahun, kanak-kanak pintar ini juga berjaya di peringkat Phd. di usia enam tahun. Kemampuannya menghafaz sejak umurnya dua tahun lagi, ini disedari apabila kanak-kanak tersebut sentiasa berdamping dengan ibunya yang sedang mengajar al-Quran, secara tidak disedari, kanak-kanak itu mendengar dan menghafaz sendirian<sup>11</sup>.( lihat lampiran 3)

Mendidik anak-anak dan ahli keluarga bersederhana dalam hidup adalah amalan terbaik, supaya anak-anak tidak lalai dalam kemewahan.

<sup>10</sup> Muslim b. al-Hajjāj al-Quṣayrī (1994), *Šaḥīb Muslim : bi Syarḥ al-Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī al-Musammā al-Manhaj*, Beirut: Dār al-Ma’rifah, Kitab al-Qadr, no. hadis 6697, j.10, h. 423 .

<sup>11</sup> Muhammad Mutawalli Fadl, [http://www.al-islam.org/biographies/tabatabai/saudi\\_mag.jpg](http://www.al-islam.org/biographies/tabatabai/saudi_mag.jpg), 16 Mac 2001 .

Ahli keluarga, jiran dan pusat asuhan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam penjagaan anak-anak di bawah 6 tahun semasa ibu mereka bekerja. Justeru itu pentingnya kerjasama dari semua pihak .

### **5.2.3 PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA PERLU DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNANYA**

Dalam menangani pelbagai cabaran dan masalah, pelbagai program pembangunan perlu dirancang dan dilaksanakan . Kerajaan adalah pihak yang paling bertanggung jawab untuk mengelakkan dan mengatasinya . Seperti di Malaysia wujudnya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara LPPKN di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, ia sebagai agensi penggerak utama program-program pembangunan keluarga telah merangka dan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan dan latihan . LPPKN mengambil langkah menawarkan program kepada jurulatih-jurulatih dan orang awam dalam aspek pembangunan keluarga dan keibubapaan berasaskan pakej-pakej modul seperti berikut :

- a. Pakej Latihan Kependudukan dan Pembangunan
- b. Trainer's Guide For Counselling The Family On AIDS
- c. Pakej Modul Komunikasi Pembangunan Keluarga Berkualiti
- d. Pakej Modul KASIH
- e. Modul Latihan Kependudukan, Pembangunan dan Alam Sekitar

Antara pakej tersebut, pakej Modul KASIH yang mengandungi 5 modul dikira sebagai suatu jalan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh institusi keluarga, pakej ini adalah lanjutan daripada pakej Modul Komunikasi Pembangunan Keluarga Berkualiti, yang bertujuan memberi satu garis panduan yang memfokuskan kepada topik dan isu-isu kritikal masa kini<sup>12</sup> (lihat lampiran 4).

Manakala cabaran yang amat ketara ialah masalah penjagaan wargatua, bakal wargatua sudah tentu merasa gusar dengan masa depan mereka, kerana itulah dari mula lagi Islam menekankan pendidikan untuk anak-anak, supaya semua pihak sedar akan tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa. Dalam Islam, penjagaan wargatua adalah hak dan tanggungjawab anak-anak, tiada peruntukan dalam Islam untuk mengarahkan mereka supaya meletakkan mereka di Rumah Kebajikan Wargatua kecuali bagi mereka yang tidak mempunyai anak-anak. Justeru itu Kementerian Kesihatan Malaysia, telah menggariskan beberapa panduan untuk bakal wargatua, antaranya ialah mereka perlu mengetahui hak-hak mereka seperti:

- a. Diskaun untuk wargatua
- b. Kemudahan kesihatan
- c. Bantuan kewangan

---

<sup>12</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, *Modul Dan Penerbitan*, Terbitan LPPKN (1999), helaihan 1&2.

d. Bantuan kebajikan

Seterusnya wargatua perlu meluaskan pergaulan dengan bertemu semula kawan-kawan lama, berkongsi masalah dengan orang lain serta melibatkan diri dalam aktiviti persatuan atau kelab<sup>13</sup> dan apa yang lebih utama mendekatkan diri dengan Allah serta sentiasa membiasakan diri dengan masjid .

Agensi-agensi lain samada Kerajaan atau bukan Kerajaan juga memainkan peranan dalam menangani segala cabaran terkini seperti JAKIM, YADIM, ABIM dan sebagainya, hubungan yang erat dan kerjasama yang padu adalah langkah terbaik menuju alaf baru yang penuh mencabar .

#### **5.2.4 KELUARGA MENGGAMBARKAN IMEJ DAN WAJAH SESEBUAH MASYARAKAT**

Ibu bapa sebagai *qudwah hasanah* atau *role model* kepada anak-anak, tingkahlaku ibu bapa akan menjadi ikutan mereka, justeru itulah pembentukan sikap dan pekerti yang baik adalah sebagai penentu keadaan keluarga yang boleh mempengaruhi anak-anak terutamanya di kalangan remaja . Apa yang terbaik

---

<sup>13</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, *Amalkan Kesihatan Mental Yang Baik : Menyesuaikan Diri Anda Di Usia Tua*, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, T/P & P : 77/99 ( But. 9 ) 200,000, helaian 2 .

contohnya, elakkan pergaduhan dan pertelingkahan suami isteri seperti suami mendera dan menyiksa isteri dan sebaliknya, yang boleh meninggalkan kesan negatif kepada anak-anak lelaki atau perempuan apabila mereka berumahtangga kelak, supaya mereka tidak mengganggap perkara tersebut sebagai budaya harian. Dalam menghadapi era negara yang sedang pesat membangun, terutama dalam dunia industri dan teknologi, setiap keluarga perlu mewujudkan semangat bersaing bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan demi masa depan keluarga . Agar semangat tersebut menjadi warisan kepada anak-anak . Perlu diingat keluarga adalah unit terpenting dalam masyarakat.

#### **5.2.5 HINDARKAN DIRI DAN AHLI KELUARGA DARI TERJEBAK DALAM KANCAH AJARAN SESAT DAN PENGAMALAN ILMU SIHIR**

Adalah amat penting memastikan kehidupan berkeluarga bersih dari segala unsur-unsur syirik, tumpukan ibadat semata-mata hanya kepada Allah . Pengamalan sihir adalah perilaku syaitan yang berusaha untuk menyesatkan umat manusia . Menjauhi dari terjebak dan juga berusaha mengelakkan diri dan ahli keluarga dari terkena sihir adalah amat dituntut oleh Islam . Ikhlas dalam beribadat kepada Allah tanpa mengharapkan sesuatu di sebaliknya . Keikhlasan akan hanya wujud dalam diri orang yang bertakarub kepada Allah sahaja, iaitu di kalangan orang banyak melakukan ibadat . Sungguhpun begitu amalan ibadat

yang hendak dilakukan pastinya melalui proses pembelajaran terlebih dahulu<sup>14</sup>, kerana tanpa ilmu kesempurnaan dalam ibadat tidak akan wujud . Firman Allah s.w.t. :

قَالَ رَبِّيْ بِمَا أَغْرَيْتَنِي لَأَرْبَيْنَ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ  
وَلَا غُوَيْنَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٩﴾ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ

Surah al-Hijr (15):39-40.

#### Maksudnya :

“Iblis berkata: Wahai Tuhan! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperlokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka semuanya, Kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan dari sebarang syirik”.

#### 5.2.6 MEMASTIKAN ANAK-ANAK TIDAK MENYALAH GUNAKAN MEDIA MASSA

Akhbar, majalah, televisyen, radio dan video adalah antara media massa yang sudah lama wujud, kini masyarakat didedahkan pula dengan media massa baru melalui komputer, vcd, internet dan sebagainya . Menjauhi diri dari menggunakan bahan-bahan tersebut adalah suatu sikap yang keterlaluan, kerana

<sup>14</sup> Amran Kasimin (1998), *Merawat Diri Akibat Sihir Dengan Bermunajat*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 4 .

di dalamnya ada juga kebaikan yang menyentuh perkembangan semasa untuk pembangunan umat Islam, oleh itu jalan terbaik ialah mendidik anak-anak agar bijak memilih yang baik dan tidak menyalahgunakannya . Memastikan kafe siber yang dilawati oleh mana-mana ahli keluarga yang bukan merupakan lubuk judi yang diambil kesempatan oleh pengusaha mesin slot judi haram . Keadaan ini memang telah berlaku yang telah dikesan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana laporan akhbar Berita Harian<sup>15</sup>.

Penulis mengakhiri penulisan dengan beberapa saranan yang tersebut diharapkan menjadi pedoman dan panduan yang bermanfaat untuk para pembaca dan seterusnya untuk para penyelidik yang akan datang, supaya terus tabah dan tekun dalam membuat kajian mengenai pembinaan keluarga Islam, agar seluruh masyarakat dapat hidup dalam suasana sejahtera dan harmoni bercirikan Islam .

---

<sup>15</sup> Kandau Sidi (2001), " Tengah : Kafe Siber ' lubuk baru' judi mesin slot", *Berita Harian*, Selasa,27 Februari, 2001, h.17.